



**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA KUALITI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)  
KALI KE-45**

---

Tarikh : 31 Julai 2019 (Rabu)  
Masa : 9.00 Pagi  
Tempat : Dewan Senat, Aras 1, Bangunan Canselori Putra,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 45.0	<p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Penolong Wakil Pengurusan, Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), TWP Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti (JKK) Kali ke-45 ini;</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:</p> <p>(i) Puan Fairuz Bawazeér Muchtar, dilantik selaku TWP PP Pusat Antarabangsa (i-PUTRA) bagi tempoh dua (2) tahun bermula 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021;</p> <p>(ii) Puan Salinah@ Lina Junid, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Pertanian (FP) bagi tempoh dua (2) tahun bermula 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021;</p> <p>(iii) Puan Noraihan Noordin, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Kejuruteraan (FK) bagi tempoh dua (2) tahun bermula 3 Jun 2019 hingga 2 Jun 2021;</p> <p>(iv) Encik Hisyamuddin Hashim, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Sains (FS) bagi tempoh dua (2) tahun bermula pada 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021;</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(v) Puan Zuraidah Ahmad, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) bagi tempoh dua (2) tahun bermula pada 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021;</p> <p>(vi) Puan Jennifer Lundai Kundat, dilantik selaku TWP PTJ Hospital Pengajar UPM (HPUPM) bagi tempoh dua (2) tahun bermula 1 Julai 2019 hingga 3 April 2021;</p> <p>(vii) Encik Mustapha Kamal Tahir, dilantik selaku TWP PTJ Institut Kajian Perladangan (IKP) bagi tempoh dua (2) tahun bermula pada 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021; dan</p> <p>(viii) Puan Saliza Mustafa, dilantik selaku ahli mesyuarat berdasarkan lantikan beliau sebagai Sekretariat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CosComm) bagi tempoh dua (2) tahun bermula pada 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021.</p> <p>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan TWP/Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:</p> <p>(i) Puan Saliza Mustafa, mantan TWP PP iPUTRA yang telah berkhidmat bermula 6 Jun 2016 hingga 30 Jun 2019;</p> <p>(ii) Puan Zuraidah Ahmad, mantan TWP PTJ FP yang telah berkhidmat bermula 2 Ogos 2017 hingga 30 Jun 2019;</p> <p>(iii) Encik Noor Mohamad Shakil Hameed, mantan TWP PTJ FK yang telah berkhidmat bermula 7 Ogos 2017 hingga 31 Mei 2019;</p> <p>(iv) Puan Fairuz Bawazeér Muchtar, mantan TWP PTJ FS yang telah berkhidmat bermula 3 Januari 2011 hingga 30 Jun 2019;</p> <p>(v) Puan Salinah @ Lina Junid, mantan TWP PTJ FBMK yang telah berkhidmat bermula 03 Ogos 2017 hingga 30 Jun 2019;</p>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(vi) Puan Thilakaveni Ramasamy, mantan TWP PTJ HPUPM yang telah berkhidmat bermula 24 April 2019 hingga 30 Jun 2019;</p> <p>(vii) Encik Muhammad Faiz Zakaria, mantan TWP PTJ IKP yang telah berkhidmat bermula 2 Ogos 2017 hingga 30 Jun 2019; dan</p> <p>(viii) Encik Mustapha Kamal Tahir, mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berdasarkan lantikan beliau sebagai Sekretariat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CosComm) yang telah berkhidmat bermula 29 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019.</p>	
<b>Minit 45.1</b>	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-44</b></p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-44 yang telah diadakan pada 8 Mei 2019 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<b>Makluman</b>
<b>Minit 45.2</b>	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-44 seperti mana pada <b>Lampiran Agenda 3.0</b> yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>(a) <u>Minit 44.2 (b)</u> – mencadangkan supaya hebahan dan galakan penggunaan kad maya PutraViD dibuat secara berterusan memandangkan konsep penggunaan kad maya ini masih baharu di kalangan warga Malaysia. Mesyuarat turut dimaklumkan satu perbincangan lanjut dengan semua entiti yang terlibat dengan pelaksanaan kad maya PutraViD akan diadakan bagi membincangkan hal berbangkit berhubung perkara ini.</p>	<b>TWP iDEC, PKPU</b>
<b>Minit 45.3</b>	<p><b>Laporan Dokumentasi</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan dokumentasi merangkumi cadangan pindaan dokumen skop pengurusan, statistik dokumen QMS yang belum dipinda dari tahun 2011 hingga 2015 dan pengemaskinian dokumen rujukan dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 4.0</b> yang dibentang.</p>	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(b) mengambil maklum justifikasi perubahan dokumen yang terlibat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Penambahbaikan terhadap Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004) mengambilkira perubahan proses audit Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) daripada audit secara berpusat (centralize) kepada audit secara terasing mengikut PTJ (decentralize);</li> <li>(ii) Pengemaskinian Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS selaras dengan perubahan objektif ISMS tahun 2019; dan</li> <li>(iii) Pengemaskinian Dokumen Risiko dan Peluang Alam Sekitar selaras dengan perubahan penilaian risiko dan pengenalpastian semula daftar aspek impak alam sekitar.</li> </ul> <p>(c) mengambil maklum berdasarkan semakan terakhir selepas kuatkuasa dokumen pada 31 Mei 2019, masih terdapat sebanyak 422 dokumen QMS yang belum dipinda atau belum disemak sejak tahun 2011 hingga 2015 yang merangkumi prosedur, arahan kerja, garis panduan dan dokumen sokongan lain. Justeru semua peneraju yang terlibat diminta mengambil tindakan sewajarnya berhubung perkara ini.</p> <p>(d) mengambil perhatian bahawa pihak CQA akan mengadakan Bengkel Pembentangan Hasil Semakan Peneraju Ke atas Dokumen Tidak Dipinda pada bulan Ogos 2019 dan hebahan mengenainya akan dimaklumkan kepada peneraju yang terlibat dalam masa terdekat.</p> <p>(e) bersetuju dengan cadangan penambahbaikan ke atas Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004) yang dicadangkan serta pengemaskinian ke atas Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS dan Dokumen Risiko dan Peluang EMS yang akan mula berkuatkuasa pada 20 Ogos 2019.</p> <p>(f) turut mencadangkan supaya dokumen rujukan dalaman atau luaran yang terpakai berdasarkan keperluan skop dan fungsi setiap PTJ dikenalpasti dan didaftarkan bagi memudahkan pemantauan ke atas dokumentasi yang terlibat.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP PP, TWP PTJ yang terlibat (rujuk Lampiran Agenda 4.0)</b></p> <p><b>KBPKP, PKD</b></p> <p><b>PKD</b></p> <p><b>TWP PP, TWP PTJ, KB PKP, PKD</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																								
Minit 45.4	<p><b>Laporan Audit</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan audit ISO QMS, ISMS dan EMS yang merangkumi status penemuan audit dalaman tahun 2019 serta pemakluman pelaksanaan audit SIRIM ISO tahun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 5.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum tarikh pelaksanaan Audit Dalaman UPM tahun 2019 beserta jumlah penemuan audit adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="472 748 1273 1128"> <thead> <tr> <th><u>Audit Dalaman</u></th> <th><u>Tarikh Audit</u></th> <th><u>Jumlah Penemuan</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>QMS</td> <td>27 Februari – 30 April 2019 (decentralize audit, tarikh sebenar ditentukan oleh PTJ)</td> <td>248 NCR, 306 OFI</td> </tr> <tr> <td>ISMS</td> <td>13 -16 Mei 2019</td> <td>11 NCR, 38 OFI</td> </tr> <tr> <td>EMS</td> <td>8 - 11 Julai 2019</td> <td>16 NCR, 26 OFI</td> </tr> </tbody> </table> <p>(c) meminta TWP bagi PTJ yang memperolehi penemuan NCR atau OFI mengambil tindakan penutupan penemuan audit dalaman menerusi Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) berdasarkan kepada tarikh penting tindakan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="472 1391 1273 1995"> <thead> <tr> <th><u>Audit Dalaman</u></th> <th><u>Mesyuarat Penutupan Audit</u></th> <th><u>Tarikh Akhir Penutupan Penemuan Audit (21 hari bekerja atau tarikh yang dipersetujui oleh juruaudit)</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>QMS</td> <td>Rujuk tarikh di PTJ masing-masing</td> <td>Bergantung kepada tarikh penutupan audit di PTJ masing-masing</td> </tr> <tr> <td>ISMS</td> <td>25 Julai 2019</td> <td>26 Ogos 2019</td> </tr> <tr> <td>EMS</td> <td>25 Julai 2019</td> <td>26 Ogos 2019</td> </tr> </tbody> </table>	<u>Audit Dalaman</u>	<u>Tarikh Audit</u>	<u>Jumlah Penemuan</u>	QMS	27 Februari – 30 April 2019 (decentralize audit, tarikh sebenar ditentukan oleh PTJ)	248 NCR, 306 OFI	ISMS	13 -16 Mei 2019	11 NCR, 38 OFI	EMS	8 - 11 Julai 2019	16 NCR, 26 OFI	<u>Audit Dalaman</u>	<u>Mesyuarat Penutupan Audit</u>	<u>Tarikh Akhir Penutupan Penemuan Audit (21 hari bekerja atau tarikh yang dipersetujui oleh juruaudit)</u>	QMS	Rujuk tarikh di PTJ masing-masing	Bergantung kepada tarikh penutupan audit di PTJ masing-masing	ISMS	25 Julai 2019	26 Ogos 2019	EMS	25 Julai 2019	26 Ogos 2019	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP PP, TWP PTJ yang terlibat</b></p>
<u>Audit Dalaman</u>	<u>Tarikh Audit</u>	<u>Jumlah Penemuan</u>																								
QMS	27 Februari – 30 April 2019 (decentralize audit, tarikh sebenar ditentukan oleh PTJ)	248 NCR, 306 OFI																								
ISMS	13 -16 Mei 2019	11 NCR, 38 OFI																								
EMS	8 - 11 Julai 2019	16 NCR, 26 OFI																								
<u>Audit Dalaman</u>	<u>Mesyuarat Penutupan Audit</u>	<u>Tarikh Akhir Penutupan Penemuan Audit (21 hari bekerja atau tarikh yang dipersetujui oleh juruaudit)</u>																								
QMS	Rujuk tarikh di PTJ masing-masing	Bergantung kepada tarikh penutupan audit di PTJ masing-masing																								
ISMS	25 Julai 2019	26 Ogos 2019																								
EMS	25 Julai 2019	26 Ogos 2019																								

MINIT	AGENDA	TINDAKAN												
<p data-bbox="201 1305 355 1339"><b>Minit 45.5</b></p>	<p data-bbox="395 293 1289 439">(d) mengambil maklum penutupan penemuan audit dalaman merupakan salah satu kriteria pemarkahan bagi Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran UPM.</p>	<p data-bbox="1334 293 1493 327"><b>Makluman</b></p>												
	<p data-bbox="395 479 1289 589">(e) mengambil maklum tarikh pelaksanaan Audit SIRIM ISO tahun 2019 serta jumlah penemuan OFI tahun 2018 adalah seperti berikut:</p>	<p data-bbox="1334 479 1493 512"><b>Makluman</b></p>												
	<table border="1" data-bbox="528 622 1265 1048"> <thead> <tr> <th data-bbox="528 622 778 734"><u>Audit SIRIM</u></th> <th data-bbox="778 622 1082 734"><u>Tarikh Audit</u></th> <th data-bbox="1082 622 1265 734"><u>Jumlah Penemuan OFI 2018</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="528 734 778 813">QMS</td> <td data-bbox="778 734 1082 813">17-20, 23-27 September 2019</td> <td data-bbox="1082 734 1265 813">29</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 813 778 1003">ISMS</td> <td data-bbox="778 813 1082 1003">1 September 2019 (audit lokasi di UPMKB) &amp; 30 September - 2 Oktober 2019</td> <td data-bbox="1082 813 1265 1003">7</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1003 778 1048">EMS</td> <td data-bbox="778 1003 1082 1048">7-9 Oktober 2019</td> <td data-bbox="1082 1003 1265 1048">4</td> </tr> </tbody> </table>	<u>Audit SIRIM</u>	<u>Tarikh Audit</u>	<u>Jumlah Penemuan OFI 2018</u>	QMS	17-20, 23-27 September 2019	29	ISMS	1 September 2019 (audit lokasi di UPMKB) & 30 September - 2 Oktober 2019	7	EMS	7-9 Oktober 2019	4	
	<u>Audit SIRIM</u>	<u>Tarikh Audit</u>	<u>Jumlah Penemuan OFI 2018</u>											
	QMS	17-20, 23-27 September 2019	29											
	ISMS	1 September 2019 (audit lokasi di UPMKB) & 30 September - 2 Oktober 2019	7											
EMS	7-9 Oktober 2019	4												
<p data-bbox="395 1081 1289 1261">(f) mengambil perhatian bahawa Bengkel Semakan Status Tindakan OFI Audit SIRIM QMS dan EMS tahun 2018 akan diadakan pada 29 Ogos 2019 bagi mengelakkan penemuan yang sama daripada berulang semasa Audit SIRIM tahun 2019.</p>	<p data-bbox="1350 1081 1477 1149"><b>KB PKP, PAD</b></p>													
<p data-bbox="395 1305 882 1339"><b>Laporan Pencapaian Objektif ISO</b></p> <p data-bbox="395 1361 1142 1395"><b>45.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti QMS</b></p> <p data-bbox="528 1440 1289 1585">Mesyuarat mengambil maklum bahawa Laporan Pencapaian Objektif Kualiti QMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 merangkumi tiga (3) pengukuran berikut iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="576 1630 1289 1697">(i) Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tempoh Januari hingga Jun 2019;</li> <li data-bbox="576 1742 1289 1809">(ii) Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras (Januari hingga Jun 2019); dan</li> <li data-bbox="576 1854 1289 1921">(iii) Pencapaian Piagam Pelanggan (Januari hingga Jun 2019).</li> </ul>	<p data-bbox="1334 1440 1493 1473"><b>Makluman</b></p>													

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																														
	<p data-bbox="528 255 1286 327"><b>45.5.1.a Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) (Januari hingga Jun 2019);</b></p> <p data-bbox="679 367 836 400">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="679 441 1286 999">(i) mengambil maklum sebanyak 37 KPI UPM 2019 telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-678 pada 19 Jun 2019. Secara ringkasnya sebanyak tujuh (7) KPI dan lima (5) Sub KPI baharu telah ditambah, empat (4) KPI telah digabungkan menjadi dua (2) KPI dan dua (2) KPI telah digugurkan menjadikannya keseluruhan 37 KPI yang akan diukur dan dipantau pencapaian sepanjang tahun 2019. Perincian penambahbaikan KPI adalah sebagaimana di <b>Lampiran B</b>.</p> <p data-bbox="679 1039 1286 1149">(ii) mengambil maklum perbandingan jumlah KPI 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="774 1184 1289 1843"> <thead> <tr> <th data-bbox="774 1184 1023 1279">Komponen</th> <th data-bbox="1023 1184 1157 1279">Jumlah KPI 2018</th> <th data-bbox="1157 1184 1289 1279">Jumlah KPI 2019</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="774 1279 1023 1350">Akademik &amp; Antarabangsa</td> <td data-bbox="1023 1279 1157 1350">10</td> <td data-bbox="1157 1279 1289 1350">6</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1350 1023 1422">Penyelidikan &amp; Inovasi</td> <td data-bbox="1023 1350 1157 1422">8</td> <td data-bbox="1157 1350 1289 1422">8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1422 1023 1494">Hal Ehwal Pelajar &amp; Alumni</td> <td data-bbox="1023 1422 1157 1494">5</td> <td data-bbox="1157 1422 1289 1494">7</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1494 1023 1565">Jaringan Industri &amp; Masyarakat</td> <td data-bbox="1023 1494 1157 1565">6</td> <td data-bbox="1157 1494 1289 1565">6</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1565 1023 1637">Sumber Manusia</td> <td data-bbox="1023 1565 1157 1637">2</td> <td data-bbox="1157 1565 1289 1637">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1637 1023 1709">Pengurusan Kewangan &amp; Aset</td> <td data-bbox="1023 1637 1157 1709">1</td> <td data-bbox="1157 1637 1289 1709">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1709 1023 1780">Perkhidmatan Perpustakaan &amp; ICT</td> <td data-bbox="1023 1709 1157 1780">1</td> <td data-bbox="1157 1709 1289 1780">3</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1780 1023 1809">Pertanian</td> <td data-bbox="1023 1780 1157 1809">1</td> <td data-bbox="1157 1780 1289 1809">3</td> </tr> <tr> <td data-bbox="774 1809 1023 1843"><b>JUMLAH</b></td> <td data-bbox="1023 1809 1157 1843"><b>34</b></td> <td data-bbox="1157 1809 1289 1843"><b>37</b></td> </tr> </tbody> </table>	Komponen	Jumlah KPI 2018	Jumlah KPI 2019	Akademik & Antarabangsa	10	6	Penyelidikan & Inovasi	8	8	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	5	7	Jaringan Industri & Masyarakat	6	6	Sumber Manusia	2	2	Pengurusan Kewangan & Aset	1	2	Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	1	3	Pertanian	1	3	<b>JUMLAH</b>	<b>34</b>	<b>37</b>	<p data-bbox="1334 441 1493 474"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1334 1039 1493 1072"><b>Makluman</b></p>
Komponen	Jumlah KPI 2018	Jumlah KPI 2019																														
Akademik & Antarabangsa	10	6																														
Penyelidikan & Inovasi	8	8																														
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	5	7																														
Jaringan Industri & Masyarakat	6	6																														
Sumber Manusia	2	2																														
Pengurusan Kewangan & Aset	1	2																														
Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	1	3																														
Pertanian	1	3																														
<b>JUMLAH</b>	<b>34</b>	<b>37</b>																														





MINIT	AGENDA		TINDAKAN																	
	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="772 286 1107 347">Komponen</th> <th data-bbox="1107 286 1283 347">Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="772 347 1107 421">Akademik &amp; Antarabangsa</td> <td data-bbox="1107 347 1283 421">73.6</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 421 1107 456">Penyelidikan &amp; Inovasi</td> <td data-bbox="1107 421 1283 456">65.8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 456 1107 524">Hal Ehwal Pelajar &amp; Alumni</td> <td data-bbox="1107 456 1283 524">85.9</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 524 1107 591">Jaringan Industri &amp; Masyarakat</td> <td data-bbox="1107 524 1283 591">52.8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 591 1107 627">Sumber Manusia</td> <td data-bbox="1107 591 1283 627">83.4</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 627 1107 694">Pengurusan Kewangan &amp; Aset</td> <td data-bbox="1107 627 1283 694">87.1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 694 1107 761">Perkhidmatan Perpustakaan &amp; ICT</td> <td data-bbox="1107 694 1283 761">77.8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 761 1107 808">Pertanian</td> <td data-bbox="1107 761 1283 808">83.6</td> </tr> </tbody> </table>	Komponen	Pencapaian (%)	Akademik & Antarabangsa	73.6	Penyelidikan & Inovasi	65.8	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	85.9	Jaringan Industri & Masyarakat	52.8	Sumber Manusia	83.4	Pengurusan Kewangan & Aset	87.1	Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	77.8	Pertanian	83.6	<p data-bbox="528 853 1283 920"><b>45.5.1.b Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p data-bbox="679 965 834 999">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="679 1021 1283 1234">(i) mengambil maklum laporan pencapaian Pelan Fungsian dan Aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 6 (a) (ii)</b> yang telah dibentang.</p> <p data-bbox="679 1267 1283 1458">(ii) mengambil maklum sebanyak 48 proses yang melibatkan sebanyak 65 petunjuk prestasi yang mempunyai sasaran pencapaian telah dinilai dalam tempoh penilaian, iaitu:</p> <ul data-bbox="783 1503 1283 1872" style="list-style-type: none"> <li>• 43 petunjuk prestasi mencapai sasaran;</li> <li>• 16 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran; dan</li> <li>• Enam (6) petunjuk prestasi tidak dapat diukur kerana tempoh pengukuran belum lengkap.</li> </ul>
Komponen	Pencapaian (%)																			
Akademik & Antarabangsa	73.6																			
Penyelidikan & Inovasi	65.8																			
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	85.9																			
Jaringan Industri & Masyarakat	52.8																			
Sumber Manusia	83.4																			
Pengurusan Kewangan & Aset	87.1																			
Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	77.8																			
Pertanian	83.6																			

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(iii) Mesyuarat meminta Peneraju/PTJ yang terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran/penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi pelan fungsian dan aras yang tidak mencapai sasaran agar objektif dapat dicapai pada penghujung tahun 2019.</p> <p>(iv) Mesyuarat mengambil maklum cadangan perubahan pelan fungsian dan aras 2019 dan seterusnya bersetuju dengan ketetapan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama proses utama 'Baik Pulih ICT' kepada 'Perkhidmatan ICT' selaras dengan perubahan Objektif Kualiti 'Sistem ICT berfungsi secara berterusan, boleh dipercayai dan efektif' kepada 'Memastikan perkhidmatan baik pulih ICT menepati tempoh respon, tempoh baik pulih dan memenuhi kepuasan pelanggan yang ditetapkan';</li> <li>• Petunjuk prestasi di bawah proses utama 'Perkhidmatan Sokongan ICT' dijadikan sebagai salah satu daripada objektif kualiti di bawah proses Utama 'Perkhidmatan ICT';</li> <li>• Sasaran petunjuk prestasi 'Tempoh pemulihan masalah sistem ICT diperbaiki oleh pihak luar-2 hari bagi sistem aplikasi dan pangkalan data, 28 hari untuk peralatan ICT' - bagi proses perkhidmatan ICT dikekalkan sebanyak 90%; dan</li> </ul>	<p><b>TWP SPS, TWP PNC, TWP IDEC, TWP Pej. Pendaftar, TWP Pej. Bursar, TWP PSAS, TWP TPU, TWP PIU, TWP PKU, TWP PPKKSSAAS, TWP CQA</b></p> <p><b>TWP IDEC, TWP PKU, KB PKP</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran petunjuk prestasi 'Peratusan pelanggan mendapat rawatan' – bagi proses konsultasi perubahan dikekalkan sebanyak 85%.</li> </ul> <p><b>45.5.1.c Pencapaian Piagam Pelanggan (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p>(i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 6 (a) (iii)</b> yang telah dibentang. Sebanyak 22 daripada 25 Piagam Pelanggan Proses Utama mencapai sasaran, satu (1) tidak mencapai sasaran, satu (1) masih belum boleh diukur dan satu (1) perlu semakan semula pengiraan. Manakala bagi Piagam Pelanggan Proses Sokongan daripada 139 piagam yang diukur, sebanyak 91 mencapai sasaran, 17 tidak mencapai sasaran, tujuh (7) masih belum boleh diukur dan 24 tidak mendapat maklum balas penghantaran laporan daripada peneraju atau perlu semakan semula pelaporan.</p> <p>(ii) Mesyuarat meneliti dan meminta Peneraju atau PTJ yang terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran/penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran atau melengkap/menghantar maklumat bagi piagam pelanggan yang tidak lengkap/belum dihantar kepada pihak PKPU.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP PNC, TWP P. TNCAA, TWP SPS, TWP P. TNCHEPA, TWP P. TNCJIM, TWP P. BURSAR, TWP PPPA, TWP PUPM, TWP PKKSSAAS, TWP PKU, TWP I-PUTRA, TWP iDEC, TWP PASP, TWP TPU, TWP Kolej, TWP PPUU</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(iii) Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan perubahan piagam pelanggan skop Prasiswazah dan skop Penyelidikan dan Inovasi sepertimana yang dinyatakan di <b>Lampiran C</b>.</p> <p>(iv) Mesyuarat mengambil maklum poster hebahan perubahan piagam pelanggan skop Prasiswazah dan skop Penyelidikan dan Inovasi dengan tarikh kemaskini 1 Ogos 2019 akan dihantar kepada semua PTJ melalui emel <a href="mailto:info@upm.edu.my">info@upm.edu.my</a>. Justeru semua TWP PTJ yang terlibat diminta mengambil perhatian dan tindakan berhubung hebahan tersebut dan memastikan piagam pelanggan yang dipaparkan di PTJ adalah yang terkini.</p> <p><b>45.5.2 Laporan Pencapaian Objektif ISMS (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 6(b)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum bahawa daripada tujuh (7) objektif ISMS yang diukur, tiga (3) telah mencapai sasaran manakala baki empat (4) lagi objektif belum dapat diukur.</p> <p>(c) mengambil perhatian terhadap cadangan perubahan objektif ISMS tahun 2019 daripada tujuh (7) kepada empat (4) objektif sebagaimana dinyatakan di <b>Lampiran Agenda 6(b)</b>.</p>	<p><b>PKPU</b></p> <p><b>PKPU, TWP PTJ (Fakulti dan Institut)</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(d) bersetuju dengan perubahan yang dicadangkan dengan sedikit penambahbaikan pada objektif berkaitan keselamatan maklumat penilaian pengajaran dimana ahli mesyuarat meminta supaya objektif lama bagi pengukuran ini dikekalkan dengan pernyataan berikut:</p> <p>‘Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik’ (sasaran 80%).</p> <p><b>45.5.3 Laporan Pencapaian Objektif EMS (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Pengurusan Alam Sekitar bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 6(c)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum daripada enam (6) Objektif Pengurusan Alam Sekitar yang dipantau, sebanyak empat (4) telah mencapai sasaran manakala masing-masing satu (1) tidak mencapai sasaran dan belum diukur.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian bahawa punca ketidakcapaian sasaran berkaitan kemudahan yang mencemar ke udara bagi <i>boiler</i> adalah disebabkan pengendalian <i>boiler</i> tidak mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam <i>Environment Quality (Clean Air) Regulation 2014</i> dan tindakan pembetulan berhubung perkara ini sedang dilaksana oleh peneraju yang terlibat bagi memastikan objektif EMS tahun 2019 bagi sukuan keempat tercapai.</p> <p>(d) Mesyuarat turut mengambil perhatian berhubung keperluan sumber (kewangan dan manusia) bagi memastikan objektif EMS mencapai sasaran terutama yang melibatkan sasaran bagi pematuhan undang-undang iaitu <i>boiler</i>.</p>	<p><b>TWP ISMS, TWP CADe</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																					
<p><b>Minit 45.6</b></p>	<p>(e) Mesyuarat mencadangkan supaya Jawatankuasa Kerja EMS mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak Jabatan Alam Sekitar dan memohon peruntukan khas bagi penilaian ke atas 388 unit kebuk wasap di UPM bagi memastikan objektif EMS berkaitan pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara dapat diambil tindakan penambahbaikan sewajarnya.</p>	<p><b>TWP EMS</b></p>																					
	<p><b>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan maklum balas pihak berkepentingan ISO adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 7.0</b> yang telah dibentang yang merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) Status proses mendapatkan maklum balas pihak berkepentingan terhadap aktiviti atau keputusan organisasi (QMS); dan</p> <p>(ii) Maklumbalas pihak berkepentingan terhadap Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).</p> <p>(b) mengambil maklum tarikh penting pelaksanaan maklum balas pihak berkepentingan QMS adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="528 1357 1273 2054"> <thead> <tr> <th>Tarikh</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>28 Januari - 11 Mac 2019</td> <td>Penggubalan soalan</td> </tr> <tr> <td>1-19 Mac 2019</td> <td>Semakan dan maklum balas IPSAS</td> </tr> <tr> <td>11 Mac - 10 April 2019</td> <td>Penambahbaikan soalan</td> </tr> <tr> <td>18 Mac - 16 April 2019</td> <td><i>Pilot test</i></td> </tr> <tr> <td>28 Mac - 8 Julai 2019</td> <td>Analisis data <i>Pilot test</i></td> </tr> <tr> <td>1 April - 12 Julai 2019</td> <td>Semakan dan penghantaran kepada CoSComm</td> </tr> <tr> <td>16-17 April 2019</td> <td>Edaran kepada Jawatankuasa Jaminan Kualiti</td> </tr> <tr> <td>1 Mei - 29 Julai 2019</td> <td>Edaran kepada pihak berkepentingan</td> </tr> <tr> <td>1-7 Ogos 2019</td> <td>Analisis data dan penyediaan laporan</td> </tr> <tr> <td>8 Ogos 2019</td> <td>Pembentangan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh	Tindakan	28 Januari - 11 Mac 2019	Penggubalan soalan	1-19 Mac 2019	Semakan dan maklum balas IPSAS	11 Mac - 10 April 2019	Penambahbaikan soalan	18 Mac - 16 April 2019	<i>Pilot test</i>	28 Mac - 8 Julai 2019	Analisis data <i>Pilot test</i>	1 April - 12 Julai 2019	Semakan dan penghantaran kepada CoSComm	16-17 April 2019	Edaran kepada Jawatankuasa Jaminan Kualiti	1 Mei - 29 Julai 2019	Edaran kepada pihak berkepentingan	1-7 Ogos 2019	Analisis data dan penyediaan laporan	8 Ogos 2019	Pembentangan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS
Tarikh	Tindakan																						
28 Januari - 11 Mac 2019	Penggubalan soalan																						
1-19 Mac 2019	Semakan dan maklum balas IPSAS																						
11 Mac - 10 April 2019	Penambahbaikan soalan																						
18 Mac - 16 April 2019	<i>Pilot test</i>																						
28 Mac - 8 Julai 2019	Analisis data <i>Pilot test</i>																						
1 April - 12 Julai 2019	Semakan dan penghantaran kepada CoSComm																						
16-17 April 2019	Edaran kepada Jawatankuasa Jaminan Kualiti																						
1 Mei - 29 Julai 2019	Edaran kepada pihak berkepentingan																						
1-7 Ogos 2019	Analisis data dan penyediaan laporan																						
8 Ogos 2019	Pembentangan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS																						

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) mengambil maklum terdapat tiga (3) kategori maklum balas pihak berkepentingan ISMS berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan iaitu:</p> <p>(i) Soal selidik perkhidmatan Pusat Data yang telah dijalankan pada 27 Disember 2018 hingga 31 Januari 2019 kepada Timbalan Wakil Pengurusan PTJ, Pegawai PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data, Kontraktor Luar dan Penyewa perkhidmatan <i>Colocation</i> Pusat Data UPM. Analisis yang dijalankan mendapati 98.45% responden yang menerima perkhidmatan Pusat Data berpuas hati (skala 4 dan skala 5) dengan semua perkhidmatan yang diberikan;</p> <p>(ii) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah yang dijalankan pada 2 hingga 20 September 2018 kepada pelajar baharu prasiswazah kemasukan sesi September 2018/2019. Analisis yang dijalankan menunjukkan 93% Pelajar Baharu yang mendaftar berpuas hati (skala 4 dan skala 5) dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran berdasarkan soalan 1 sehingga 5; dan</p> <p>(iii) Soal selidik keselamatan maklumat penilaian pengajaran semester kedua sesi 2018/2019 pada 1 hingga 10 Mac 2019 (diploma) dan 14 hingga 31 Mei 2019 (bacelor) secara atas talian dengan menggunakan aplikasi <i>Google Form</i>. Analisis yang dijalankan mendapati pencapaian keseluruhan tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran adalah memuaskan dengan skor min 4.05 di mana 46% (n=85) dan 39% (n=73) pelajar masing-masing memberikan skor 4 (memuaskan) dan 5 (sangat memuaskan).</p>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 45.7	<p data-bbox="395 255 826 288"><b>Laporan Penilaian Risiko ISO</b></p> <p data-bbox="395 311 1262 383"><b>45.7.1 Laporan Penilaian Risiko QMS (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p data-bbox="528 412 1262 965">(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan penilaian risiko QMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 8.0 (a)</b> iaitu merangkumi pelaporan berhubung isu dalaman dan luaran bagi risiko operasi tahun 2019, penilaian risiko sukuan kedua (Q2/2019), penilaian risiko operasi ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada bidang utama universiti dan kawalan tindak balas terhadap risiko. Mesyuarat turut mengambil maklum penilaian risiko dibuat berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 di bawah klausa 6.1 iaitu berkaitan tindakan menyatakan risiko dan peluang.</p> <p data-bbox="528 994 1262 1066">(b) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung perkara berikut:</p> <p data-bbox="603 1095 1262 1240">(i) Jumlah isu dalaman dan luaran UPM pada tahun 2019 adalah sebanyak 508 iaitu 391 isu dalaman dan 117 isu luaran;</p> <p data-bbox="603 1279 1262 1464">(ii) Penilaian risiko operasi sukuan kedua tahun 2019 (Q2/2019) UPM adalah sebanyak 6% tahap risiko Tinggi, 32% risiko Sederhana dan 62% risiko Rendah;</p> <p data-bbox="603 1494 1262 1639">(iii) Penilaian risiko operasi ke atas 338 pernyataan risiko yang memberi kesan kepada lapan (8) bidang utama KPI Universiti, iaitu:</p> <ul data-bbox="708 1659 1262 2051" style="list-style-type: none"> <li>• Akademik dan Antarabangsa;</li> <li>• Penyelidikan dan Inovasi;</li> <li>• Hal Ehwal Pelajar dan Alumni;</li> <li>• Jaringan Industri dan Masyarakat;</li> <li>• Sumber Manusia;</li> <li>• Pengurusan Kewangan dan Aset;</li> <li>• Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT; dan</li> <li>• Pertanian.</li> </ul>	<p data-bbox="1305 412 1469 445"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1321 994 1453 1066"><b>TWP PP, TWP PTJ</b></p>



MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(iv) Kawalan tindak balas ke atas risiko operasi Q2/2019 bagi 338 penyataan isu yang dinilai dan meminta PTJ melaksana kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta supaya Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi selaku sekretariat bagi Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti supaya membuat penyelarasan berkaitan keperluan strategik yang diperlukan daripada penilaian risiko operasi QMS.</p> <p><b>45.7.2 Laporan Penilaian Risiko ISMS (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan penilaian risiko ISMS adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 8.0 (b)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklumat penilaian risiko yang dilaksana pada April 2019 melibatkan sebanyak 936 aset dengan 1338 ancaman dimana terdapat 1 (satu) aset dengan risiko tinggi, 100 aset dengan risiko sederhana dan 1237 aset dengan tahap risiko rendah.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian bahawa 1 aset dengan tahap tinggi adalah berkaitan dengan Sistem Sokongan Pusat Data iaitu berkaitan lokasi Pusat Data Utama yang terdedah dengan ancaman banjir kilat. Mesyuarat dimaklumkan Peneraju Pusat Data telah mengenalpasti pelan pemulihan risiko yang bersesuaian bagi memastikan tahap risiko dapat dikurangkan dan perkara tersebut sedang dalam tindakan.</p> <p>(d) Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap peneraju ISMS dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat.</p>	<p><b>Sekretariat Jawatan kuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																																		
	<p><b>45.7.3 Laporan Penilaian Risiko EMS (Januari hingga Jun 2019)</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan penilaian risiko EMS adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 8.0 (c)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum penilaian risiko EMS merangkumi:</p> <p>(i) Isu Dalaman dan Luaran (Klausu 4.1);</p> <p>(ii) Keperluan Pihak Berkepentingan (Klausu 4.2);</p> <p>(iii) Aspek Alam Sekitar (Klausu 6.1.2); dan</p> <p>(iv) Undang-undang Terpakai (Klausu 6.1.2)</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung penilaian risiko bagi Q2 2019 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="606 1108 1273 1339"> <thead> <tr> <th><u>Perkara</u></th> <th><u>R</u></th> <th><u>S</u></th> <th><u>T</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Isu Dalaman dan Luaran</td> <td>19</td> <td>7</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Keperluan Pihak Berkepentingan</td> <td>9</td> <td>0</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td>Aspek Alam Sekitar</td> <td>20</td> <td>10</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Undang-undang Terpakai</td> <td>3</td> <td>1</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <p>(d) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung kawalan tindak balas ke atas risiko bagi Q2 2019 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="606 1518 1273 1888"> <thead> <tr> <th><u>Perkara</u></th> <th><u>Tolak Ansur</u></th> <th><u>Rawat</u></th> <th><u>Pindah</u></th> <th><u>Hapus</u></th> <th><u>Belum Nilai</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Isu Dalaman dan Luaran</td> <td>19</td> <td>4</td> <td>3</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Keperluan Pihak Berkepentingan</td> <td>9</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Aspek Alam Sekitar</td> <td>20</td> <td>10</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Undang-undang Terpakai</td> <td>3</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>10</td> </tr> </tbody> </table> <p>(e) Mesyuarat meminta peneraju EMS melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih bagi memastikan tahap risiko operasi EMS terkawal.</p>	<u>Perkara</u>	<u>R</u>	<u>S</u>	<u>T</u>	Isu Dalaman dan Luaran	19	7	0	Keperluan Pihak Berkepentingan	9	0	9	Aspek Alam Sekitar	20	10	0	Undang-undang Terpakai	3	1	0	<u>Perkara</u>	<u>Tolak Ansur</u>	<u>Rawat</u>	<u>Pindah</u>	<u>Hapus</u>	<u>Belum Nilai</u>	Isu Dalaman dan Luaran	19	4	3	0	0	Keperluan Pihak Berkepentingan	9	0	0	0	0	Aspek Alam Sekitar	20	10	0	0	1	Undang-undang Terpakai	3	1	0	0	10	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Peneraju EMS terlibat</b></p>
<u>Perkara</u>	<u>R</u>	<u>S</u>	<u>T</u>																																																	
Isu Dalaman dan Luaran	19	7	0																																																	
Keperluan Pihak Berkepentingan	9	0	9																																																	
Aspek Alam Sekitar	20	10	0																																																	
Undang-undang Terpakai	3	1	0																																																	
<u>Perkara</u>	<u>Tolak Ansur</u>	<u>Rawat</u>	<u>Pindah</u>	<u>Hapus</u>	<u>Belum Nilai</u>																																															
Isu Dalaman dan Luaran	19	4	3	0	0																																															
Keperluan Pihak Berkepentingan	9	0	0	0	0																																															
Aspek Alam Sekitar	20	10	0	0	1																																															
Undang-undang Terpakai	3	1	0	0	10																																															

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																					
Minit 45.8	<p data-bbox="395 248 576 282"><b>Hal-hal Lain</b></p> <p data-bbox="395 304 1257 376"><b>45.8.1 Penambahbaikan Tadbir Urus Implementasi Kad Maya PutraViD</b></p> <p data-bbox="517 421 671 454">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="536 472 1257 763">(a) mengambil maklum berhubung kertas laporan penambahbaikan tadbir urus kad maya PutraViD seperti mana perincian di <b>Lampiran Agenda 9.1</b> yang telah dibentangkan. Pemakluman ini dibuat berdasarkan Petikan Minit Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) ke 674.05 (e): (d) bertarikh 13 Mei 2019 berkaitan perkara ini.</p> <p data-bbox="536 808 1257 954">(b) mengambil maklum penambahbaikan tadbir urus kad maya PutraViD terkini yang telah dipersetujui oleh pihak JPU adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="603 969 1265 2024"> <thead> <tr> <th data-bbox="603 969 695 1037">Bil</th> <th data-bbox="695 969 1010 1037">Peranan</th> <th data-bbox="1010 969 1265 1037">PTJ Bertanggung jawab</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="603 1037 695 1104">1.</td> <td data-bbox="695 1037 1010 1104">Pemilik kad maya pelajar</td> <td data-bbox="1010 1037 1265 1104">Bahagian Tadbir Urus Akademik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 1104 695 1171">2.</td> <td data-bbox="695 1104 1010 1171">Pemilik kad maya staf</td> <td data-bbox="1010 1104 1265 1171">Pejabat Pendaftar</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 1171 695 1384">3.</td> <td data-bbox="695 1171 1010 1384">Pemilik sistem aplikasi kad maya pelajar dan staf PutraViD, PutraVerify dan UPMID</td> <td data-bbox="1010 1171 1265 1384">Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 1384 695 1485">4.</td> <td data-bbox="695 1384 1010 1485">Penguatkuasaan kepatuhan penggunaan</td> <td data-bbox="1010 1384 1265 1485">Bahagian Keselamatan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 1485 695 1798">5.</td> <td data-bbox="695 1485 1010 1798">Pemantauan pemakaian dari aspek kesahihan tuan punya kad maya untuk tujuan memberi perkhidmatan kepada pelajar dan staf</td> <td data-bbox="1010 1485 1265 1798">Semua PTJ yang memberi perkhidmatan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 1798 695 2024">6.</td> <td data-bbox="695 1798 1010 2024">Membangunkan kemudahan atau perkhidmatan mengguna pakai PutraViD sebagai kekunci kawalan capaian</td> <td data-bbox="1010 1798 1265 2024">Semua PTJ di bawah kawalan</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Peranan	PTJ Bertanggung jawab	1.	Pemilik kad maya pelajar	Bahagian Tadbir Urus Akademik	2.	Pemilik kad maya staf	Pejabat Pendaftar	3.	Pemilik sistem aplikasi kad maya pelajar dan staf PutraViD, PutraVerify dan UPMID	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	4.	Penguatkuasaan kepatuhan penggunaan	Bahagian Keselamatan	5.	Pemantauan pemakaian dari aspek kesahihan tuan punya kad maya untuk tujuan memberi perkhidmatan kepada pelajar dan staf	Semua PTJ yang memberi perkhidmatan	6.	Membangunkan kemudahan atau perkhidmatan mengguna pakai PutraViD sebagai kekunci kawalan capaian	Semua PTJ di bawah kawalan	<p data-bbox="1310 472 1469 506"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1310 808 1469 842"><b>Makluman</b></p>
Bil	Peranan	PTJ Bertanggung jawab																					
1.	Pemilik kad maya pelajar	Bahagian Tadbir Urus Akademik																					
2.	Pemilik kad maya staf	Pejabat Pendaftar																					
3.	Pemilik sistem aplikasi kad maya pelajar dan staf PutraViD, PutraVerify dan UPMID	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi																					
4.	Penguatkuasaan kepatuhan penggunaan	Bahagian Keselamatan																					
5.	Pemantauan pemakaian dari aspek kesahihan tuan punya kad maya untuk tujuan memberi perkhidmatan kepada pelajar dan staf	Semua PTJ yang memberi perkhidmatan																					
6.	Membangunkan kemudahan atau perkhidmatan mengguna pakai PutraViD sebagai kekunci kawalan capaian	Semua PTJ di bawah kawalan																					

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) mencadangkan supaya beberapa cadangan/isu berhubung pelaksanaan PutraViD yang dibangkitkan semasa mesyuarat dimajukan untuk penelitian dan tindakan pihak IDEC sebelum dibawa semula untuk kelulusan pihak JPU, iaitu:</p> <p>(i) cadangan supaya pemilik kad maya pelajar diletakkan di bawah dua peneraju berasingan iaitu Bahagian Tadbir Urus Akademik selaku pemilik kad maya bagi pelajar prasiswazah manakala Sekolah Pengajian Siswazah bagi pemilik kad maya pelajar siswazah;</p> <p>(ii) ketetapan dari segi siapa pemilik sebenar proses kad maya PutraViD dan PutraVerify termasuk kad fizikal dimana berdasarkan pelaksanaan semasa, pengeluaran kad fizikal masih diuruskan oleh Bahagian Keselamatan Universiti untuk kegunaan pelajar dan staf sediaada sedangkan keputusan terkini JPU menyatakan Bahagian Tadbir Urus Akademik dan Pejabat Pendaftar masing-masing merupakan pemilik kad maya pelajar dan pemilik kad maya staf;</p> <p>(iii) kesan terhadap proses utama PTJ yang terlibat dengan pelaksanaan penambahbaikan tadbir urus kad maya PutraViD antaranya dari aspek keperluan sumber manusia serta penyediaan dokumentasi/SOP yang berkait dengan peranan baharu yang telah ditetapkan; dan</p> <p>(iv) mengadakan perbincangan dengan semua PTJ yang terlibat termasuk Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi bagi meneliti kembali isu serta sempadan pelaksanaan bagi setiap PTJ yang terlibat dengan proses pelaksanaan kad maya PutraViD, PutraVerify dan kad fizikal di UPM.</p>	<p><b>TWP ISMS</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p><b>45.8.2 Pemakluman Audit Susulan Pengekalan Swaakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Tahun 2019</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum pihak MQA akan mengadakan audit susulan di UPM pada 6 Ogos 2019 yang bertujuan untuk melihat pelaksanaan tindakan UPM berdasarkan laporan maklum balas yang telah diberikan bagi setiap isu yang dikemukakan oleh panel penilai semasa Audit Pengekalan Swaakreditasi pada 28 hingga 30 September 2015. Sehubungan itu, PTJ auditee yang terlibat dimohon bersedia untuk audit susulan berkenaan dan meminta PTJ lain khususnya entiti fakulti untuk turut bersedia sekiranya diperlukan oleh panel penilai semasa hari audit.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
<p><b>Minit 45.9</b></p>	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	<p><b>Makluman</b></p>

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 31 Julai 2019 (Rabu)  
Masa : 9.00 Pagi  
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Kehadiran**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
1.	Prof. Dr. Amin bin Ismail	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat
2.	Prof. Madya Dr. Noor Azman bin Ali	Timbalan Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
3.	Dr. Mariani binti Ho Nyuk Onn @ Ariffin	TWP EMS/ Fakulti Pengajian Alam Sekitar
4.	Encik Krishnan a/l Mariappan	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
5.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
6.	Encik Shahrman bin Hashim	TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
7.	Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor	TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
8.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PP) Sekolah Pengajian Siswazah
9.	Puan Hajah Izariahwati binti Mohd Isa	TWP (PP) Pejabat Bursar
10.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
11.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
12.	ASP/PB Ibrahim bin Hassan	TWP (PP) Bahagian Keselamatan Universiti
13.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
14.	Encik Shaifol Yazam bin Mat	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
15.	Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
16.	Cik Syaakiratul Hasanah binti Rossidi	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
17.	Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
18.	Encik Amiruddin bin Abdul Aziz	TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
19.	Puan Noraihan binti Noordin	TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
20.	Encik Mohd Pauzi bin Abdul Karim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
21.	Encik Hisyamuddin bin Hashim	TWP (PTJ) Fakulti Sains
22.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
23.	Encik Mohd Hairi bin Abd Aziz	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
24.	Encik Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
25.	Puan Juita binti Md Tahir	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
26.	Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c)	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
27.	Encik Mhd. Hussin bin Abd. Rahim	TWP (PTJ) Institut Biosains
28.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
29.	Puan Nurul Hidayah binti Samadi	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
30.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
31.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
32.	Puan Rina Mazni binti Musa	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
33.	Encik Mustapha Kamal bin Tahir	TWP (PTJ) Institut Kajian Perladangan
34.	Encik Mohd Fakhruddin bin Ismail	TWP (PTJ) Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik
35.	Puan Saliza binti Mustafa	Sekretariat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko UPM, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
36.	Cik Norzaina binti Darus	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU), Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
37.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
38.	Encik Mustaffa bin Haji Dollah	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (KBPKP) Pusat Jaminan Kualiti
39.	Puan Nurhanisah binti Sadun	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik dan Akreditasi (KBPKAA) Pusat Jaminan Kualiti
40.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit Dalam (PAD) Pusat Jaminan Kualiti
41.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD) Pusat Jaminan Kualiti

## Turut Hadir

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
1.	Puan Nurainakmal binti Kamal Bahrin	Wakil TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
2.	Puan Nur Fazrina binti Ismail	Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar
3.	Puan Noor Baizura binti Mohd Safifee	Wakil TWP (PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
4.	Encik Mohd Khairul bin Jusoh @ Yusof	Wakil TWP (PP) Kolej Kediaman
5.	Encik Muhamad Asyraf bin Arshad	Wakil TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
6.	Puan Farah Zeehan binti Mohd Nadzri	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
7.	Puan Nur Hayati binti Bakar	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
8.	Puan Siti Khadijah binti Ahmad	Wakil Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar
9.	Puan Siti Nadirah binti Mat Na'ain	Wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar
10.	Puan Nor Afida binti Miskam	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
11.	Puan Siti Fatimah binti Hasim	Pusat Jaminan Kualiti
12.	Encik Mohd Hafizd bin Hitam	Pusat Jaminan Kualiti

## Tidak Hadir (dengan kenyataan)

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
1.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
2.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
3.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Pusat Asasi Sains Pertanian
4.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
5.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
6.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
7.	Encik Roslan bin Parjo	TWP (PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
8.	Encik Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam	TWP (PP) Pusat Islam
9.	Encik Abd Hadi bin Abd. Rashid	TWP (PP) Kolej Kediaman



<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
10.	Encik Ludinata bin Misnun	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar
11.	Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
12.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa
13.	Puan Salinah binti Junid	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
14.	Encik Nasrudin bin Yahya	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
15.	Puan Zuraidah binti Ahmad	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
16.	Encik Wan Mohd Radzi bin Wan Ismail	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
17.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
18.	Puan Farah Deena binti Zainol	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
19.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
20.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
21.	Cik Nor Azizah binti Tamsi	Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar
22.	Encik Muhazam bin Mansor	Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar
23.	Puan Jennifer Lendai Kundat	TWP (PTJ) Hospital Pengajar

**PENAMBAHBAIKAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) UPM TAHUN 2019**

**KPI Baharu**

1. Bilangan Bilik Dinaiktaraf Mencapai Piawai 3 (Tiga) Bintang
2. Bilangan Penyertaan Pelajar dalam Pemeraksanaan Bakat
3. Peratus pulangan ke atas aset (ROA)
4. Pengukuhan & visibiliti sumber maklumat pertanian
5. Aktiviti penyebaran ilmu dan jaringan komuniti
6. Bilangan projek pengembangan pertanian
7. Visibiliti pertanian: Bilangan artikel/ temubual/ *media mentions/ share of voice* berkaitan pertanian dalam media massa tradisional, *online* dan media sosial (*infographic/short video*)

**Sub KPI Baharu**

- i) Peratus pelajar bergraduat yang telah mengikut program mobiliti
- ii) Peningkatan kompetensi staf P&P yang menghadiri latihan
- iii) Peratus staf P&P bukan akademik dengan pengalaman industri
- iv) Mewujudkan profiling jawatan strategik
- v) Mewujudkan profiling individu

**KPI 2018 Digabungkan**

1. Pelajar pascasiswazah antarabangsa
2. Pelajar prasiswazah antarabangsa
3. Bilangan pelajar *inbound*
4. Bilangan pelajar *outbound*

**KPI 2019**

1. Enrolmen pelajar antarabangsa :
  - i) Pelajar pascasiswazah antarabangsa
  - ii) Pelajar prasiswazah antarabangsa
2. Pelajar mobiliti:
  - i) Bilangan pelajar *inbound*
  - ii) Bilangan pelajar *outbound*

**KPI Digugurkan**

1. Peratus *attrition* pelajar
2. Bilangan program berasaskan industri

## PINDAAN PIAGAM PELANGGAN SKOP PRASISWAZAH

BIL	LAMA	BAHARU	CATATAN
1	Memaparkan maklumat pendaftaran dan jadual waktu kuliah dalam laman web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik ( <a href="http://www.akademik.upm.edu.my">http://www.akademik.upm.edu.my</a> ) / SMP – Menu Portal Pelajar MyJadual pada minggu ke-11 semester sebelumnya.	-	KEKAL
2	Memaparkan maklumat jadual waktu peperiksaan dalam laman web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik / SMP – Menu Portal Pelajar MyJadual pada minggu ke-11 semester semasa.	-	KEKAL
3	Mengeluarkan keputusan peperiksaan akhir semester dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) selewat-lewatnya satu (1) hari selepas disahkan oleh Senat UPM.	-	KEKAL
4	<b>Memaparkan Notis Majlis dan Sesi Konvokesyen dalam laman web dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh Konvokesyen.</b>	<b>Memaparkan Notis Majlis Konvokesyen dalam laman web dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh Konvokesyen.</b>	<b>PINDAAN Mesyuarat Pengurusan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik kali ke-43 (Khas) Bil. 2/2019)</b>
5	<b>Memaklumkan keputusan pengecualian kursus kepada pelajar selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu ke-4 semester selepas penerimaan permohonan lengkap daripada fakulti (untuk kursus antara university) dan daripada pelajar (untuk kursus dalaman antara fakulti).</b>	<b>Memastikan kelulusan ke atas permohonan pemindahan kredit dibuat oleh fakulti selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu ke-7 semester pengajian.</b>	<b>PINDAAN Mesyuarat Pengurusan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik kali ke-43 (Khas) Bil. 2/2019)</b>

6	Mengeluarkan surat kelulusan pertukaran program selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu pertama semester pengajian.	-	<b>KEKAL</b>
7	<b>Mengumumkan keputusan semakan gagal dan berhenti (GB) selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan September bagi semester kedua dan selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan Mac bagi semester pertama (Program Bacelor Sepenuh Masa).</b>	<b>Mengumumkan keputusan semakan gagal dan diberhentikan (GB) selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan Mac bagi semester pertama dan selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan September bagi semester kedua (Program Bacelor Sepenuh Masa).</b>	<b>PINDAAN Mesyuarat Pengurusan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik kali ke- 43 (Khas) Bil. 2/2019)</b>
8	Mengeluarkan surat tawaran kemasukan pelajar antarabangsa dalam tempoh enam (6) minggu selepas permohonan lengkap diterima bagi program tanpa temuduga.	-	<b>KEKAL</b>

**PINDAAN PIAGAM PELANGGAN SKOP PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

<b>BIL</b>	<b>LAMA</b>	<b>BAHARU</b>	<b>CATATAN</b>
1	Mengeluarkan surat kelulusan permohonan geran dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan surat penaja.	-	<b>KEKAL</b>
2	<b>Mengeluarkan surat tawaran Geran dalam tempoh 21 hari bekerja selepas keputusan permohonan diterima</b>	<b>Mengeluarkan surat tawaran Geran dalam tempoh 21 hari bekerja selepas menerima proposal muktamad daripada penyelidik</b>	<b>PINDAAN Mesyuarat Pengurusan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kali ke-53 Bil 2/2018</b>
3	Memaklumkan keputusan permohonan untuk menghadiri seminar / persidangan / bengkel / lawatan luar negara (SKBL) dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa SKBL	-	<b>KEKAL</b>
4	Mengeluarkan surat keputusan permohonan perlindungan harta intelek dalam masa lima (5) hari bekerja daripada tarikh pengesahan minit mesyuarat penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Harta Intelek (JPHI)	-	<b>KEKAL</b>
5	Memaklumkan keputusan permohonan untuk menyertai pameran pertandingan penyelidikan dalam tempoh 21 hari bekerja daripada tarikh tutup permohonan.	-	<b>KEKAL</b>
6	Memaklumkan keputusan permohonan kelulusan <i>ethical clearance</i> dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas menerima keputusan daripada jawatankuasa yang terlibat	-	<b>KEKAL</b>